

UTHM bina perpustakaan RM42 juta

BATU PAHAT 4 Julai - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Parit Raja dekat sini akan memiliki bangunan perpustakaan setinggi enam tingkat dan setaraf dengan universiti-universiti utama di negara ini melibatkan kos RM42 juta.

Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan berkata, ia mampu menampung seramai 4,000 pengunjung dalam satu masa dan pembinaannya dijangka siap sepeleuhnya dalam tempoh dua tahun lagi.

Beliau berkata, ia dilengkapi pelbagai kemudahan antaranya bilik multimedia, dewan kuliah, bahagian pinjaman buku, pejabat kecil pentadbiran dan bilik mesyuarat ahli lembaga pengarah universiti.

"Perpustakaan ini akan melengkapkan lagi kemudahan-kemudahan asas utama universiti ini," katanya selepas majlis pecah tanah pembinaan perpustakaan tersebut di kampus induk UTHM di sini semalam.

Sebelum itu Dr. Zulkelfi turut menghadiri Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UTHM 2006 dan Majlis Pelanca-

ran Nama Baru Kolej Kediaman Pelajar.

Menurut Dr. Zulkefli lagi, istimewa menganjurkan perpustakaan itu nanti kerana ia akan memberi peluang kepada orang ramai untuk sama-sama menggunakan perkhidmatan yang disediakan.

Beliau berkata, langkah itu bersesuaian dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak agar institusi pengajian tinggi turut berfungsi untuk mendekati masyarakat umum.

Katanya, UTHM merupakan antara institusi pengajian tinggi yang mahu menyahut seruan tersebut dengan memberi pe-

luang kepada orang ramai untuk sama-sama menggunakan perpustakaan tersebut.

"Ini adalah salah satu jalan yang baik bagi pihak universiti mendekatkan diri dengan masyarakat khususnya yang berjiran dengan mereka," katanya.

Sehubungan itu, Dr. Zulkefli memberitahu, perpustakaan itu akan turut dilengkapi dengan ruang membaca untuk kanak-kanak.

Katanya, ruangan itu nanti akan dilengkapi dengan bacaan buku-buku yang bersesuaian dengan golongan tersebut di samping kemudahan-kemudahan lain.



ZULKEFLI A. Hassan (tiga kanan) menekan butang sempena majlis pecah tanah bangunan perpustakaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Parit Raja, Batu Pahat, semalam.